

17. PROSEDUR MENGENAI PERTIMBANGAN PERMOHONAN-PERMOHONAN UNTUK PEMBAIKAN-PEMBAIKAN, PINDAAN-PINDAAN DAN TAMBAHAN-TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN SEMENTARA ATAU SEPARUH TETAP YANG SEDIA ADA.

- (a) Untuk menggantikan tiang-tiang, alang-alang, dinding-dinding kayu, pengadang-pengadang dan bumbung-bumbung, tanpa sebarangpindaan kepada penyusunan semula sebelah dalam rumah itu atau tanpa sebarang sambungan, permohonan-permohonan atau pelan-pelan bangunan untuknya apabila dikemukakan akan dipertimbangkan hanya oleh Jabatan Bangunan dan sekiranya didapati teratur, diluluskan dalam masa dua (2) minggu.
- (b) Untuk kerja-kerja yang melibatkan penyusunan semula sebelah dalam rumah itu dan sekiranya kerja-kerja itu tidak melibatkan pencahayaan dan pengudaraan atau sebarang aspek kesihatan yang lain, permohonan-permohonan atau pelan-pelan bangunan untuknya apabila dikemukakan akan dipertimbangkan hanya oleh Jabatan Bangunan dan sekiranya didapati teratur, diluluskan dalam masa tiga (3) minggu.
- (c) Untuk penyusunan semula sebelah dalam rumah yang lain atau sambungan-sambungan hanya Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bangunan sahaja terlibat dan kedua-dua Jabatan ini mestilah mencapai kata sepakat bahawa permohonan-permohonan atau pelan-pelan bangunan yang dikemukakan boleh dipertimbangkan bersama oleh kedua-dua Jabatan yang berkenaan dan sekiranya didapati teratur, diluluskan dalam masa yang sesingkat mungkin.
- (d) Untuk menapakkan semula sesebuah rumah yang sedia ada ke satu lokasi baru atau membina semula sebuah bangunan yang sedia ada, ketiga-tiga Jabatan terlibat, iaitu Jabatan Bangunan, Jabatan Kesihatan dan Bahagian Perancangan mestilah mencapai kata sepakat untuk membolehkan lokasi baru itu dipertimbangkan bersama oleh ketiga-tiga Jabatan yang berkenaan itu akan sekiranya didapati teratur, ia diluluskan dalam masa yang sesingkat mungkin.
- (e) Berdasarkan merit sesuatu kes, Jabatan Bangunan akan diberi kuasa menggunakan budibicaranya oleh Majlis untuk memberi pengecualian Undang-undang Kecil Bangunan yang berkenaan berhubung dengan jarak-jarak minimum dengan sempadan-sempadan Lot dan dengan semua rumah yang bersebelahan untuk semua kes yang tersebut di (a) dan (b) di atas supaya tidak lagi perlu untuk tiap-tiap kes itu dirujukkan Majlis untuk diluluskan dengan syarat pemunya-pemunya rumah bersebelahan itu masih lagi perlu diutuskan surat.
- (f) Mengenai perkara mendapat keizinan pemunya tanah, selain daripada menyalin bumbung, semua kerja lain yang dianggap bersamaan dengan pembinaan sesebuah bangunan akan memerlukan keizinan pemunya tanah itu. Mengenai bangunan-bangunan yang sedia ada, resit sewa tanah yang terbaharu bolehlah diterima sebagai bukti yang keizinan pemunya tanah itu telah didapati untuk kerja-kerja yang telah dibuat itu.
- (g) Jabatan Bangunan boleh menggunakan budibicara untuk mengeluarkan sebuah Notis Kegangguan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ke atas pemunya bangunan atau penghuni sesebuah rumah yang pembaikan-pembaikan itu (tidak termasuk pengubahsuaian-pengubahsuaian, pindaan-pindaan, sambungan-sambungan, atau pembinaan semula keseluruhan rumah itu) dianggap perlu dan sekiranya keizinan pemunya tanah itu tidak diperolehi untuk pembaikan-pembaikan itu, Jabatan Bangunan diberi kuasa oleh Majlis untuk menggunakan Seksyen 102, Akta Jalan, Parit dan Bangunan untuk membolehkan penghuniannya membuat pembaikan-pembaikan itu.
- (h) Dalam kes permohonan atau pelan-pelan bangunan yang dikemuka dan diluluskan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan berhubung dengan pindaan-pindaan dan pembaikan-pembaikan sepertimana yang ditakrifkan di dalam (a) di atas, bagi sesebuah rumah yang terletak di atas sebidang Lot tanah yang luas yang terlibat oleh cadangan-cadangan jalan, bangunan itu tidaklah perlu dikekalkan di bawah Perjanjian Bangunan Sementara/Lesen Bangunan Sementara asalkan pemunya tanah dan pemohon itu diberitahu akan situasinya.

(Diluluskan pada 26.6.80)